

24 DEC 1996

Krismas-Ucap

DR MAHATHIR DAN SITI HASMAH UCAP SELAMAT HARI KRISMAS KEPADA SEMUA

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakyat Malaysia yang beragama Kristian.

Beliau berkata Malaysia memang bertuah kerana rakyatnya yang berbilang kaum dan agama dapat menyambut perayaan mereka secara bergilir dan silih berganti tanpa apa-apa halangan atau rintangan.

"Ini adalah bukti rakyat kita begitu toleran dan saling menghormati agama masing-masing. Tidak syak lagi sifat toleran inilah yang membawa keamanan dan kemakmuran kepada negara kita," kata beliau dalam perutusannya yang dikeluarkan di sini, hari ini.

"Di mana masyarakat tidak toleran, walaupun tidak ada perbezaan agama atau etnik, keamanan dan kemakmuran tidak tercapai," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata rakyat Malaysia harus berusaha untuk mengekalkan sifat toleran ini dan berhati-hati terhadap sensitiviti masing-masing.

Rakyat tidak akan rugi apa-apa dengan berbuat demikian tetapi sebaliknya akan mendapat banyak kebaikan kerana keamanan adalah sesuatu yang bernilai dan dikejar oleh masyarakat manusia, kata Dr Mahathir.

"Kita hanya akan sedar betapa pentingnya keamanan apabila kita sudah terpisah daripadanya. Tetapi kita tidak perlu membenarkan perkara ini berlaku sebelum kita menghargai keamanan," kata beliau.

Sempena hari yang berbahagia ini, rakyat hendaknya tidak lupa meneruskan budaya kunjung mengunjung ke rumah rakan-rakan mereka yang merayakan Hari Krismas, kata Perdana Menteri lagi.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu, yang turut menyampaikan ucap selamat yang sama, menggesa rakyat Malaysia sama-sama mendoakan agar keselamatan dan kemakmuran negara berterusan.

"Kita sekali lagi merayakan Hari Krismas dalam suasana pertumbuhan pesat ekonomi, keamanan dan kemakmuran, dan kita harus bersyukur kepada Tuhan kerana melimpahkan kita segala-galanya itu," katanya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata kejayaan Malaysia sentiasa dikagumi oleh negara lain.

"Malaysia sebuah negara unik dengan perayaan pelbagai agama dirayakan bersama, dan sikap toleransi ini banyak menyumbang kepada menggalak dan mengukuhkan harmoni, persefahaman dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan rakyat tidak harus lalai dan bersikap leka agar tidak terperangkap dalam tindak tanduk kuasa-kuasa jahat yang terus cuba merosakkan negara.

"Kita harus terus berwaspada terhadap sebarang usaha untuk memporak perandakan perpaduan di kalangan pelbagai kaum," katanya.

Samy Vellu menggesa setiap rakyat Malaysia bersama-sama menyertai perayaan dan merasakan bersama semangat Krismas dalam tradisi tulen Malaysia.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Ahmad Zaidi Adruce menyeru rakyat menolak sentimen perkauman yang sempit yang boleh mengganggu gugat keamanan Sarawak.

Menurutnya, penduduk negeri ini telah menunjukkan kematangan dalam mengejar kemajuan dan setakat ini telah mengelakkan perkara-perkara sensitif yang boleh memecahkan perpaduan.

"Ini jelas terbukti pada pilihan raya negeri yang lalu, tiada insiden tidak diingini berlaku," katanya dalam ucapan sempena Hari Krismas.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud pula berkata setiap individu perlu memelihara adab dan menghormati undang-undang dalam mengejar kemajuan supaya pembangunan seimbang dapat dicapai.

Beliau berkata, prinsip agama yang positif tidak patut dikorbankan dalam mengejar kemajuan kerana ianya boleh menimbulkan banyak penyakit sosial.

-- BERNAMA

RDY AHH